

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN
MOHAMED SAID [KUALA KRAU]**

SOALAN

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah usaha yang dilakukan pihak Kementerian dalam membuka laluan kerjaya kepada anak muda selain cadangan memperkenalkan perkhidmatan Gojek di Malaysia.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) sedang/telah melaksanakan inisiatif-inisiatif melalui program/aktiviti pemeraksanaan belia bagi memberi laluan kerjaya kepada golongan belia. Perkara ini selaras dengan Dasar Belia Malaysia iaitu menyerlahkan bakat dan potensi modal insan belia agar berkeupayaan menyumbang di semua peringkat kehidupan sehingga ke peringkat antarabangsa. Justeru itu, dalam usaha meningkatkan lebih banyak peluang kerjaya kepada belia, KBS memberikan penekanan kepada aspek keusahawanan dan kemahiran.

2. KBS telah memperkenalkan beberapa program pembangunan ekonomi yang menerapkan nilai keusahawanan sebagai salah satu sumber pendapatan serta meningkatkan pembabitan golongan muda dalam

SOALAN NO : 527

pembangunan negara. Antara program yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- (a) Program Pembangunan Digital (*Young Heroes*) yang dilaksanakan untuk meningkatkan pendapatan dan mengembangkan perniagaan melalui platform perniagaan atas talian. Bengkel ini dilaksanakan di semua zon di seluruh negara dan sehingga September 2019 jumlah penyertaan adalah seramai 30 orang.
- (b) Program *Youth Career (Y-Career)* telah dilaksanakan semenjak tahun 2018 sehingga 2019. Setiap tahun Jabatan Belia dan Sukan Negara dengan kerjasama setiap JBS Negeri akan menganjurkan program *Y-Career* ini bagi bertujuan membantu belia B40 (bandar dan luar bandar) mengikuti latihan kemahiran khusus yang turut diterapkan dalam kalangan golongan sasaran bagi membantu membina jati diri serta melengkapkan diri dengan kemahiran-kemahiran asas dalam menempuh alam pekerjaan. Sejak tahun 2018 sehingga 2019, sejumlah 45 program telah diadakan dengan jumlah penyertaan seramai 1,198 peserta secara keseluruhannya.
- (c) Program Transformasi Reka Bentuk Pembungkusan dan Penjenamaan Inovatif Produk (*MyYouth Best Transformation & Packaging*) dengan tujuan membantu para usahawan menghasilkan pembungkusan produk yang berkualiti serta meningkatkan pasaran produk ke peringkat global serta menambahkan pengetahuan mengenai standard pelabelan produk. Jumlah penyertaan untuk program ini adalah seramai 32 orang peserta dari seluruh negeri.
- (d) Program Keusahawanan Belia Bestari atau B-Best mengutamakan belia minoriti (berisiko) dengan meningkatkan keyakinan diri dan ekonomi melalui pekerjaan/keusahawanan. B-Best akan dilaksanakan di setiap Zon seluruh negara.

SOALAN NO : 527

3. Selain itu, laporan Rancangan Malaysia ke-11 (2016-2020) menjelaskan sekitar 60% daripada 1.5 juta pekerjaan baharu yang diwujudkan antara 2016 dan 2020 memerlukan kepada kemahiran yang berkaitan dengan bidang Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET). Sehubungan itu, KBS telah memberi penekanan kepada latihan kemahiran atau TVET secara sepenuh masa melalui 22 Institusi Kemahiran Belia dan Sukan (ILKBS). KBS sentiasa memastikan bahawa kursus yang ditawarkan di ILKBS adalah bersesuaian dengan penawaran dan permintaan pekerjaan.

4. KBS melalui ILKBS juga telah memperkenalkan inisiatif baharu dan mempelbagaikan pendekatan latihan kemahiran seperti:

- (a) Pendigitalan IR4.0@ILKBS yang dilaksanakan di Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN) Pagoh dalam menyediakan persekitaran latihan berteraskan Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) merangkumi yang *Smart Industrial Automation Lab* dan *Smart Machining Centre*.
- (b) Program *Teaching Factory* (TEFA) akan menjadikan ILKBS sebagai *One Stop Centre* bagi pelbagai sektor berorientasikan persekitaran IR4.0 bagi mewujudkan ekosistem pelaksanaan latihan berasaskan praktis sebenar di industri serta *Hub Talent Bank* dalam menyediakan modal insan berkemahiran tinggi mengikut keperluan industri. Sebagai contoh, melalui TEFA, pihak industri akan menaik taraf kemudahan latihan melibatkan bengkel penyelenggaraan kereta dan mekanikal dalam bidang reka bentuk produk industri dan semburan cat.
- (c) Program *Bootcamp* TVET dilaksanakan secara intensif selama 4-12 minggu bersama pihak syarikat/majikan. Pada tahun 2019, seramai 246 peserta yang menyertai program ini.

SOALAN NO : 527

5. KBS juga telah memperkenalkan program *Skills Training at Risk Youth* (STAR@U) yang bertujuan menawarkan latihan kemahiran secara modular menerusi kursus jangka pendek kepada belia berisiko. Antara program di bawah program STAR@U adalah Reben Kuning dan *MyFuture Youth*.

6. Selain itu, bagi meningkatkan peluang pekerjaan dalam kalangan anak muda, KBS telah menubuhkan Jawatankuasa Peluang Pekerjaan Anak Muda yang akan dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri. Jawatankuasa ini terdiri daripada pihak Kerajaan, syarikat berkaitan Kerajaan (GLC), perbankan, penyelidik, dan peneraju industri. Penglibatan pelbagai pihak ini merupakan satu usaha dalam membantu Kerajaan ke arah mencapai mewujudkan 1 juta peluang pekerjaan kepada anak muda dalam tempoh 5 hingga 10 tahun seperti yang terkandung dalam Manifesto Kerajaan.

7. Justeru itu, melalui pelaksanaan program/aktiviti ini menunjukkan bahawa KBS komited untuk merealisasikan hasrat bagi menjadikan golongan anak muda sebagai penggerak pembangunan negara. Ini sekali gus meletakkan golongan anak muda sebagai perintis yang dapat meneruskan legasi kegemilangan negara pada masa hadapan.

Sekian, terima kasih.